



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN EKONOMI

19 Mei 2023

### **PERMOHONAN TERBUKA JAWATAN-JAWATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) TERAJU, YAYASAN PENERAJU DAN KEAHLIAN MAJLIS EKONOMI DIGITAL NEGARA (MED4IR)**

---

Kementerian Ekonomi mempunyai dua agensi yang sedang dalam proses pertukaran kepimpinan, iaitu:

1. Teraju – bertanggungjawab menguruskan pembangunan agenda ekonomi Bumiputra
2. Yayasan Peneraju – bertanggungjawab menguruskan pembangunan kemahiran dan bakat profesional Bumiputra

Kementerian Ekonomi juga bertanggungjawab mengendalikan agenda pembangunan ekonomi digital melalui Majlis Ekonomi Digital dan Industri Keempat Negara (MED4IR).

Kementerian Ekonomi kini menjemput calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan sebagai CEO Teraju dan Yayasan Peneraju untuk memohon mengisi kekosongan ini. Butiran lanjut mengenai kelayakan dan bidang kerja boleh didapati di laman Teraju, Yayasan Peneraju dan Kementerian Ekonomi.

Kementerian Ekonomi juga menjemput profesional dalam bidang tech dan digital yang mahu menawarkan diri sebagai anggota Majlis Ekonomi Digital dan Industri Keempat Negara (MED4IR) untuk memohon menjadi anggota majlis. Butiran lanjut mengenai kelayakan dan bidang tugas boleh didapati di laman MyDigital, sebuah agensi di bawah Kementerian Ekonomi.

Majlis Ekonomi Digital dan Industri Keempat Negara (MED4IR) dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

**RAFIZI RAMLI**  
**19 MEI 2023**